

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NASIONAL

Kriteria pilih doktor ke jawatan tetap perlu lebih telus

Pengumuman segera mampu elak pakar lari ke luar negara

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

Putrajaya: Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) mahu kriteria pemilihan doktor ke jawatan tetap diumumkan secara terbuka supaya lebih telus.

Bahagian Pelatih, Pegawai Perubatan dan Pakar Perubatan (SCHOMOS) MMA berkata, pengumuman segera kriteria itu dapat menangani penghijrahan doktor ke luar negara.

Melalui rencana dimuatkan dalam *Berita MMA* edisi Januari 2023 ditulis bersama oleh Ahli Seumur Hidup cawangan Perak, Dr S Sivabalan dan Ahli Seumur Hidup cawangan Sarawak, Dr Leonard Goh Zhong Ning, MMA SCHOMOS mahu pemilihan dilaksanakan dengan telus.

Rencana itu turut dikongsi

melalui media sosial MMA SCHOMOS.

Antara lain tulisan itu memaklumkan akan mengadakan perbincangan dengan Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa untuk meneruskan inisiatif yang dicadangkan pentadbiran sebelum ini.

Tubuh suruhanjaya

Menekankan keperluan mendesak bagi melaksana reformasi yang sangat diperlukan itu, MMA SCHOMOS berpendapat, langkah pertama ke arah itu boleh dicapai melalui penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Kesihatan untuk kerjaya penjagaan kesihatan awam.

Katanya, ia dicadangkan beberapa pakar, termasuk Prof Dr Adeeba Kamarulzaman dan Dr Azman Abu Bakar.

"Sistem ketika ini memerlukan permulaan semula yang penting. Contohnya doktor pelatih kita ketika ini dilatih dalam jadual kerja anjal atau apa yang dikenali sebagai sistem syif pada 24 bulan pertama kerjaya mereka.

"Mereka kemudian dianggap boleh bekerja dalam sistem *on-call* iaitu waktu bekerja berla-

rutan antara 24 hingga 36 jam sebaik selesai latihan dan menjadi pegawai perubatan," katanya.


Waktu kerja sedemikian, menurutnya, bukan saja membahayakan doktor, malah juga kepada pesakit dan mungkin meningkatkan tuntutan undang-undang.

MMA SCHOMOS mencadangkan kriteria berpandukan parameter diberi penekanan iaitu prestasi kerja, komitmen untuk meneruskan pembangunan profesional (CPD), pengalaman kerja di Sabah, Sarawak dan menganggotai organisasi profesional.

MMA SCHOMOS mencadangkan penilaian prestasi kerja melihat individu yang mempunyai kecenderungan kepada perubahan, tetapi tidak juga mengemukakan dengan secara tidak adil mereka yang memerlukan masa untuk cemerlang dalam kerjaya.

Ia berkata, parameter kedua iaitu CPD selari dengan hasrat KKM untuk menghasilkan lebih ramai pakar.

Doktor berkenaan juga seharusnya pernah bekerja di di Sabah, Sarawak selaras janji KKM memberi keutamaan kepada dua negeri itu serta menggalakkan



MMA mahu kriteria pemilihan doktor ke jawatan tetap diumumkan secara terbuka.
(Foto hiasan)

ramai mengisi jawatan di wilayah itu.

Pembabitkan dalam badan profesional sama ada peringkat tempatan atau antarabangsa bertujuan menentang ke- pentingan memberi penerangan sebagai seorang doktor dan menyemai kualiti kepimpinan.

Pertemuan dengan JPA

Pada masa sama, MMA SCHOMOS memaklumkan mengadakan pertemuan dengan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada 15 November lalu dan menge-

tengah isu membabitkan kontrak doktor seperti pergerakan kerjaya selepas gred UD43, melanjutkan latihan ke peringkat program pakar dan keperluan untuk pemilihan kerjaya bagi perjawatan tetap.

Katanya, mereka juga menimbulkan isu seperti pegawai perubatan yang perlu ditawarkan gred UD56 yang ketika ini hanya diberikan kepada doktor pakar serta pergerakan doktor pakar membabitkan pergerakan gred ke JUSA dan insentif latihan subkepakaran.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : NASIONAL

KKM audit klinik kesihatan boleh operasi lebih masa

Usaha atasi masalah kesesakan jabatan kecemasan

Oleh Irwan Shafrihan Ismail
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kementerian Kesihatan (KKM) memerlukan sedikit masa lagi bagi mengenal pasti klinik kesihatan (KK) di seluruh negara yang boleh beroperasi secara lebih masa.

Menterinya, Dr Zaliha Mustafa, berkata ketika ini kerja 'pemetaan' bagi mengenal pasti KK yang perlu dan boleh melaksanakan langkah itu sedang giat dijalankan.

Beliau berkata, usaha bersama Jabatan Kesihatan Negeri digembelng bagi mengatasi masalah kesesakan di jabatan kecemasan hospital yang menyebabkan pesakit perlu menunggu lama untuk mendapatkan rawatan.

"Bahagian Hospital dan Bahagian Kesihatan Awam KKM sedang buat *mapping* dan mengenal pasti klinik kesihatan yang manakah perlu dan boleh dilaksanakan perpanjangan waktu operasi.

"Insya-Allah, kita perlu sedikit masa lagi untuk audit dilengkapkan dan diteliti, termasuk dalam



Keratan akhbar BH, Jumaat lalu.

soal kemampuan serta keperluan (kakitangan) klinik kesihatan.

"Usaha bersama giat dilakukan bagi memastikan masalah kesesakan di jabatan kecemasan dapat ditangani sebaiknya, perkembangan lanjut akan dimaklumkan kelak," katanya kepada BH semalam.

Awal bulan lalu, ketika bertucap pada Majlis Amanat Tahun Baharu 2023 KKM, Dr Zaliha memaklumkan operasi KK akan dilanjutkan bagi menangani masalah kesesakan di jabatan kecemasan hospital.

Katanya, Pengarah Kesihatan Negeri sudah diarahkan meneliti semula keperluan klinik kesihatan di bawah seliaan masing-masing untuk beroperasi lebih masa.

Kesesakan di bandar

Isu kesesakan dikesan berlaku di kawasan bandar berikutan jumlah populasi yang semakin meningkat serta kecenderungan pelanggan mendapatkan perkhidmatan di hospital dan klinik KKM.

Khamis lalu, BH melaporkan wad kecemasan di beberapa hospital di Kelantan sesak apabila orang ramai datang untuk rawa-

tan pelbagai penyakit sehingga katil dikhaskan tidak mencukupi.

Kelmarin, Dr Zaliha dalam kenyataan berkata, KKM mengkaji keberkesanan inisiatif seperti lanjutan waktu bekerja di fasiliti tertentu sebagai usaha mengatasi isu kesesakan, khususnya di Jabatan Kecemasan, terutama menjelang musim perayaan.

Beliau berkata, untuk itu KKM melalui Program Perubatan, Program Kesihatan Awam serta Program penyelidikan dan Sokongan Teknikal di bawah Timbalan Ketua Pengarah masing-masing diminta untuk menyemak dan menganalisis data di hospital serta klinik kesihatan untuk melihat keberkesanan inisiatif terbabit.

Di samping lanjutan waktu bekerja, katanya, usaha untuk memperkasakan *lean healthcare system* yang bertujuan meningkatkan pengurusan aliran pesakit dan memastikan rawatan terbaik dapat diberikan tanpa peningkatan kos juga sedang dipertingkatkan terutama di hospital yang mengalami kesesakan di jabatan kecemasan.

Sebelum ini, KKM memaklumkan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2019, mendedahkan tempoh menunggu di Jabatan Kecemasan Hospital melebihi daripada enam jam.

Malah, keadaan itu berlaku disebabkan 70 peratus kes yang diterima adalah bukan kritikal, sekali gus bertentangan dengan fungsi sebenar Jabatan Kecemasan Hospital yang sepatutnya hanya menerima kes kritikal.

Penularan COVID-19

Jumlah pesakit dirawat di hospital catat penurunan

Kuala Lumpur: Jumlah kemasukan pesakit COVID-19 ke fasiliti kesihatan bagi setiap 100,000 penduduk menurun 8.6 peratus pada Minggu Epidemiologi ketiga 2023 (ME 3/2023) iaitu dari 15 hingga 21 Januari, berbanding minggu sebelumnya.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata jumlah kemasukan pesakit COVID-19 ke hospital awam bagi setiap 100,000 populasi pada ME 3/2023, berbanding ME 2/2023 mencatatkan penurunan 28.6 peratus bagi pesakit kategori satu hingga lima.

"Peratus pengisian katil fasiliti COVID-19 pada ME 3/2023 berbanding ME 2/2023 bagi katil bukan kritikal menurun sebanyak dua peratus dan katil unit rawatan rapi (ICU) juga menurun dua peratus," katanya.

Beliau berkata, kes positif COVID-19 yang dipantau Pusat Penilaian COVID-19 (CAC) di seluruh negara juga menunjukkan penurunan.

Selain itu, dari 25 Januari 2020 (ME 4/2020) hingga 21 Januari 2023 (ME 3/2023), kumulatif kes baharu COVID-19 ialah sebanyak 5,034,521 kes, kumulatif kes sembuh (4,987,642 kes), kumulatif kes kematian (36,932 kes) dan kumulatif kluster sebanyak 7,169 kluster membabitkan lima kluster aktif.

Dr Noor Hisham berkata, bilangan kes sembuh pada ME 3/2023 menurun 27.6 peratus iaitu 3,288 kes kepada 2,379 kes, manakala bilangan kes baharu menurun 17.3 peratus iaitu 2,525 kes kepada 2,088 kes berbanding minggu sebelumnya.

Katanya, bilangan kes tempatan menurun 17.1 peratus (2,497 kes kepada 2,071 kes), manakala bilangan kes import menurun

39.3 peratus (28 kes kepada 17 kes) serta jumlah kes kematian menurun 29.4 peratus (34 kes kepada 24 kes).

"Purata kes aktif setiap hari bagi ME 3/2023 pula menurun 7.9 peratus iaitu 10,901 kes kepada 10,042 kes," katanya.

Hasil survelan COVID-19 di lokasi sentinel seluruh negara hingga ME 3/2023 mendapati 17 sampel Penyakit Seperti Influenza (ILI) dikesan positif COVID-19, manakala sebanyak 5.9 peratus Jangkitan Pernafasan Akut Teruk (SARI) dikesan positif COVID-19.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, Kementerian Kesihatan (KKM) menasihatkan orang ramai supaya terus berwaspada dan mengambil langkah berjaga-jaga sempena sambutan Tahun Baharu Cina meskipun keadaan COVID-19 di negara ini masih terkawal dengan pelaporan kes yang rendah iaitu kurang 500 kes sehari.

BERNAMA

Peratus pengisian katil fasiliti COVID-19 pada ME 3/2023 berbanding ME 2/2023 bagi katil bukan kritikal menurun sebanyak dua peratus dan katil unit rawatan rapi (ICU) juga menurun dua peratus

Dr Noor Hisham Abdullah, Ketua Pengarah Kesihatan



Gesa tambah ambulans tampung keperluan kes

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) perlu menambah perkhidmatan ambulans yang didakwa masih belum mencukupi bagi menampung keperluan orang awam.

Pekerja swasta yang hanya mahu dikenali sebagai Zainal, berkata penambahan ambulans amat perlu sebagai usaha menampung keperluan perkhidmatan itu susulan peningkatan kes kecemasan.

Katanya, langkah itu juga diharapkan dapat membantu menyelamatkan lebih banyak nyawa dan mengurangkan kadar kematian.

"Saya mencadangkan supaya pihak KKM menambah bilangan ambulans yang digunakan bagi

memindahkan pesakit daripada kediaman ke hospital.

"Sebelum rakan saya dipindahkan ke hospital sebentar tadi (semalam), kami menunggu sehingga sejam 30 minit sebelum ambulans tiba.

"Dalam tempoh waktu itu, banyak perkara boleh terjadi, saya sendiri hendak membawanya (rakan) ke hospital menggunakan kereta pun tidak berani kerana rakan mengalami sedikit gegaran di otaknya dan patah rahang selepas imbasan x-ray dilakukan," katanya ketika ditemui semalam.

Beliau berkata, cadangan KKM untuk melanjutkan waktu bekerja juga adalah inisiatif yang baik ke-

rana dapat mengelakkan kesesakan terutama pada waktu malam.

Katanya, beliau sudah menunggu maklum balas daripada doktor dan jururawat mengenai rakannya yang dimasukkan ke wad kecemasan sejak jam 7 pagi semalam.

"Saya hanya mendapat maklum balas daripada doktor selepas jam 10 pagi (semalam) dan berharap selepas ini waktu menunggu dapat disingkatkan lagi.

"Kasih kepada pesakit yang menanggung kesakitan dan terpaksa menunggu dengan lebih lama. Hospital kerajaan sahaja tempat rakyat biasa seperti saya untuk bergantung.

"Jika perkhidmatan ini dapat dipertingkatkan lagi bagi saya sudah sempurna kerana dari segi kos dan juga layanan saya sangat berpuas hati," katanya.

Tunggu sejam untuk rawatan

Tinjauan BH di Hospital Kuala Lumpur (HKL) mendapati ada pesakit terpaksa menunggu sehingga tempoh satu jam sebelum menerima rawatan.

Sementara itu, pekerja syarikat kurier yang enggan dikenali juga berpandangan perkhidmatan ambulans perlu ditambah baik.

Katanya, kira-kira jam 12 tengah malam kelmarin rakan sekerjanya mengalami semput dan

tidak dapat bernafas.

"Saya menghubungi pihak hospital untuk memindahkan rakan ke hospital, tetapi ambulans tiba kira-kira jam 2 pagi. Situasi ini boleh jadi berbahaya sekiranya perkara seperti ini berlaku kepada pesakit yang lebih kritikal.

"Saya faham, bukan rakan saja yang memerlukan rawatan di unit kecemasan, tetapi jika perkhidmatan ambulans dapat ditambah baik, pasti lebih banyak nyawa boleh diselamatkan.

"Bagi saya yang tinggal di Pudu sahaja, tempoh dua jam itu terlalu lama jika diikutkan jarak di antara kedua-dua tempat yang hanya 10 kilometer," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : LOKAL

ATASI KESESAKAN DI WAD KECEMASAN

Wad jangka pendek

Kuala Lumpur

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan memperkenalkan wad jangka pendek atau *short stay ward* bagi hospital yang mempunyai ruang sebagai inisiatif mengatasi masalah kesesakan di Jabatan Kecemasan.

Menteri Kesihatan Dr Zaliha Mustafa berkata, inisiatif terbabit sudah pun dilaksanakan di beberapa hospital dan mencadangkan supaya kriteria wad berkenaan ditambah baik bagi mengelakkan pesakit menunggu lama khususnya di zon kuning.

Katanya, sistem pengurusan katil pesakit di hospital juga diperkemas agar penggunaannya dapat dikawal selia dan diurus dengan baik.

"Peningkatan jumlah pesakit dan kekurangan dihadapi KKM termasuk tenaga kerja serta fasiliti

menyumbang kepada isu kesesakan di Jabatan Kecemasan, justeru perkara ini perlu ditangani dengan menyeluruh.

"Penyelesaian jangka pendek, sederhana dan panjang harus dirangka segera dengan semua pihak berke-

pentingan demi kebaikan rakyat dan sektor kesihatan negara," katanya.

Selain itu, menurutnya KKM akan terus meneliti model kerjasama dengan agensi kerajaan, kerajaan negeri, badan bukan kerajaan dan sektor swasta supaya isu kesesakan di Jabatan Kecemasan dapat ditangani dengan menyeluruh dan berkesan.

Memberikan contoh penyumbeluran dan kerjasama dengan sektor swasta yang banyak membantu semasa pandemik Covid-19, Dr Zaliha berkata, model seperti



“
KKM terus
komited menaik
taraf sistem ICT
kepada sistem
digital
Dr Zaliha

itu akan dilihat secara lebih khusus termasuk kerjasama dengan pengamal perubatan swasta.

"Digitalisasi sistem perkhidmatan kesihatan juga perlu dititikberatkan. KKM akan terus komited menaik taraf sistem teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) sedia ada kepada sistem digital yang berpotensi membantu mengatasi masalah yang wujud," katanya.

Menurut Dr Zaliha usaha mendapatkan lebih ramai tenaga kerja termasuk doktor, jururawat, penolong pegawai perubatan, pegawai farmasi, profesional sains kesihatan bersekutu dan kakitangan sokongan akan terus dilakukan.

Selain itu, KKM akan bekerjasama dengan Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Kewangan bagi mencari titik temu terbaik untuk menyelesaikan isu berkenaan dalam jangka masa sederhana dan panjang.

e-Pharmacist dibuka semula mulai 30 Januari

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan membuka semula sistem e-Pharmacist bagi pemilihan penempatan latihan siswazah untuk Pegawai Farmasi Gred UF41 mulai 12 tengah hari 30 Januari hingga 1 Februari ini yang sebelum ini dilaporkan mengalami gangguan capaian.

KKM dalam satu kenyataan kelmari memaklumkan isu itu dikesan selepas aduan diterima daripada calon yang memohon sistem e-Pharmacist sejak ia mula dibuka Khamis lalu dan tindakan segera diambil bagi mengenal pasti isu terbabit.

Antara isu yang dikenal pasti adalah terdapat calon tidak dapat mengakses ke sistem pada waktu yang ditetapkan, capaian ke sistem yang perlahan serta terdapat isu calon berjaya memilih penempatan di suatu

fasiliti melebihi had slot latihan siswazah yang ditetapkan.

"KKM difahamkan seramai 627 calon ditawarkan pelantikan dan mereka perlu memilih penempatan latihan siswazah pada sesi kali ini.

"Justeru, bagi menangani situasi ini secara berhemah dan berlaku adil kepada calon yang memohon, sistem e-Pharmacist ditutup bagi memberi ruang kepada pasukan teknikal ICT KKM menilai dan menangani gangguan teknikal ini," menurut kenyataan itu.

Dalam pada itu, KKM memaklumkan tarikh melapor diri bagi mengikuti Program Transformasi Minda (PTM) masih dikekalkan pada 13 Februari dan semua calon yang terlibat diharap dapat bersabar serta mengakses semula sistem itu pada tarikh yang ditetapkan.

Tetap berwaspada



MASYARAKAT Tionghoa hadir bagi melakukan upacara keagamaan sempena menyambut Tahun Baharu Cina di Kuil Kwan Imm Klang, kelmari. Bagaimanapun kebanyakan pengunjung dilihat masih menggunakan pelitup muka sebagai langkah pencegahan jangkitan wabak Covid-19.

Usah risau ambil dos penggalak Covid-19

Kuala Lumpur: Masyarakat tidak perlu berasa ragu untuk mengambil dos penggalak, khususnya dos penggalak kedua, bagi melindungi diri mereka daripada terdedah daripada bahaya jangkitan Covid-19.

Menurut pakar-pakar kesihatan, pengambilan dos penggalak sedia ada iaitu daripada jenis monovalen masih lagi relevan dan merupakan antara instrumen yang berkesan bagi mencegah penularan wabak itu terutama terhadap golongan yang berisiko.

Bagi Pakar Perunding Penyakit Berjangkit Jabatan Perubatan Fakulti Perubatan Universiti Malaya (UM) Prof Madya Dr Sharifah Faridah Syed Omar berkata dos penggalak masih mempunyai peranan, walaupun ia tidak dapat mengelak jangkitan sebagai

dahulu.

"Apabila kita mengambil dos penggalak, antibodi badan akan meningkat walaupun bukan pada tahap yang kita kehendaki. Namun tidak dinafikan, ia (antibodi) juga akan turun dengan cepat, tetapi sekurang-kurangnya, dalam masa yang singkat itu ia mampu melindungi kita daripada terkena jangkitan.

"Jadi dos penggalak ini masih mampu memberi perlindungan selain dapat mengurangkan penularan yang terlalu cepat," katanya.

Sebelum ini Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa, menyanan orang ramai yang telah menerima dos penggalak pertama melebihi tempoh enam bulan, supaya mendapatkan dos penggalak kedua serta tidak menunggu vaksin bivalen.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 21

RUANGAN : LOKAL

JAWATAN TETAP DOKTOR

**Schomos MMA
gesa KKM segera
umum kriteria
pemilihan**

Putrajaya: Bahagian Pelatih, Pegawai Perubatan dan Pakar Perubatan (Schomos) Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) berharap Kerajaan segera mengumumkan kriteria pemilihan perjawatan tetap bagi doktor perubatan dalam menangani penghijrahan bakat ke luar negara.

Melalui rencana dimuatkan dalam Berita MMA edisi Januari 2023 ditulis bersama oleh Ahli Seumur Hidup cawangan Perak, Dr S Sivabalan dan Ahli Seumur Hidup cawangan Sarawak, Dr Leonard Goh Zhong Ning, MMA Schomos juga berharap pemilihan berkenaan dilaksanakan dengan telus.

Rencana itu turut dikongsikan melalui media sosial MMA Schomos.

Antara lain, memaklumkan mengadakan perbincangan dengan Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa serta pasukan untuk meneruskan inisiatif dicadangkan oleh pendahulunya.

Menekankan keperluan mendesak untuk mengimplementasikan reformasi yang sangat diperlukan itu, MMA Schomos berpendapat langkah pertama ke arah itu berkemungkinan boleh dicapai melalui penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Kesihatan untuk profesion penjagaan kesihatan awam.

Katanya, ia dicadangkan pelbagai pakar Prof Dr Adeeba Kamarulzaman dan Dr Azman Abu Bakar.

"Sistem ketika ini memerlukan permulaan semula yang penting. Contohnya doktor pelatih kita ketika ini dilatih dalam jadual kerja anjal atau apa yang dikenali sebagai sistem syif pada 24 bukan pertama ker-



Contohnya doktor pelatih kita ketika ini dilatih dalam jadual kerja anjal atau apa yang dikenali sebagai sistem syif pada 24 bukan pertama kerjaya mereka"

Kenyataan MMA Schomos

jaya mereka.

"Namun, mereka kemudian dianggap boleh bekerja dalam sistem *on-call* iaitu waktu bekerja berlarutan antara 24 hingga 36 jam sebaik mereka selesai tempoh latihan dan menjadi pegawai perubatan," katanya.

Waktu kerja sedemikian, menurutnya, bukan saja membahayakan doktor malah pesakit dan berkemungkinan meningkatkan tuntutan undang-undang.

Sehubungan itu, MMA Schomos mencadangkan supaya kriteria berpandukan parameter diberikan penekanan iaitu prestasi kerja, komitmen untuk meneruskan pembangunan profesional (CPD), pengalaman kerja di Malaysia Timur dan menganggotai organisasi profesional.

MMA Schomos memaklumkan sudah mengadakan pertemuan dengan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada 15 November lalu dan menentang isu membabitkan kontrak doktor seperti pergerakan kerjaya selepas gred UD43, melanjutkan latihan ke peringkat program pakar dan keperluan untuk pemilihan kerjaya bagi perjawatan tetap.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NEGARA

KKM teliti tambah staf tangani isu kesesakan di hospital awam

PUTRAJAYA – Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Mustafa berkata, kementerian itu meneliti keperluan bagi mendapatkan lebih ramai tenaga kerja dalam usaha menangani kesesakan di Jabatan Kecemasan di seluruh perkhidmatan kesihatan awam negara ini.

Menurutnya, tidak dinafikan peningkatan jumlah pesakit saban hari dan kekurangan yang pelbagai termasuk tenaga kerja dan fasiliti mendorong kepada isu kesesakan itu.

"Keperluan untuk mendapatkan lebih ramai tenaga kerja termasuk doktor, jururawat, penolong pegawai perubatan, pegawai farmasi, profesion sains bersekutu dan kakitangan sokongan akan terus dilakukan.

"Kementerian akan bekerjasama dengan JPA (Jabatan Perkhidmatan Awam) dan Kementerian Kewangan bagi mencari titik temu terbaik untuk menyelesaikan masalah ini dalam jangka masa sederhana dan panjang," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Terdahulu, Zaliha berkata, isu kesesakan Jabatan Kecemasan perlu ditangani dengan menyeluruh melalui penyelesaian jangka pendek, sederhana dan panjang.

Katanya, ia harus dirangka segera dengan semua pemegang taruh demi kebaikan rakyat serta sektor kesihatan di negara ini.

"Kementerian melalui Program Perubatan, Program Kesihatan Awam dan Program Penyelidikan dan Sokongan Teknikal di bawah Timbalan Ketua Pengarah masing-masing diminta me-



PELAKSANAAN short stay ward akan diperkenalkan bagi mengatasi kesesakan wad di hospital kerajaan. – GAMBAR HIASAN

nyamak serta menganalisis data di hospital dan klinik kesihatan untuk melihat keberkesanan pelaksanaan inisiatif seperti pelanjutan waktu bekerja di fasiliti tertentu," katanya.

Dalam pada itu, usaha memperkasa *Lean Healthcare System* sedang dipertingkatkan, terutama di hospital yang berdepan masalah kesesakan di Jabatan Kecemasan.

Bagi hospital yang mempunyai ruang, pelaksanaan *short stay ward* akan diperkenalkan.

Ia telah pun dilaksanakan di beberapa buah hospital.

"Bagaimanapun, saya mencadangkan agar kriteria wad ini ditambah baik bagi mengelakkan pesakit menunggu lebih lama khususnya di Zon Kuning.

"Selain itu, sistem pengurusan katil pesakit akan terus diperke-

mas. Ini mustahak agar penggunaan katil di hospital-hospital dapat dikawal selia dan diurus dengan baik," ujarnya.

Mengulas lanjut, Zaliha berkata, pihaknya akan terus melihat kepada model kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan, kerajaan negeri, pertubuhan bukaan kerajaan dan sektor swasta agar isu kesesakan di Jabatan Kecemasan dapat ditangani dengan menyeluruh serta berkesan.

Katanya, penyumberluaran dan kerjasama dengan sektor swasta misalnya sudah banyak membantu semasa pandemik Covid-19 melanda.

"Model-model seperti ini akan dilihat secara lebih khusus termasuk kerjasama dengan pengamal perubatan swasta. Semestinya inisiatif seperti ini memerlukan dana yang khusus," katanya.

Sistem e-Pharmacist ditutup sementara

PUTRAJAYA – Kementerian Kesihatan (KKM) akan menutup sementara capaian kepada sistem e-Pharmacist bagi memberi ruang kepada pasukan teknikal teknologi komunikasi maklumat (ICT) menilai dan menangani masalah teknikal yang berlaku.

KKM menerusi satu kenyataan berkata, insiden gangguan pada capaian sistem itu dikesan setelah menerima aduan daripada calon yang memohon.

"Sistem e-Pharmacist digunakan untuk membuat pemilihan penempatan latihan siswazah bagi Pegawai Farmasi Gred UF41 yang mula dibuka pada 19 Januari lalu.

"Sehubungan masalah pada capaian tersebut, KKM mengarahkan tindakan segera diambil bagi mengenal pasti isu gangguan teknikal ini," kata kenyataan itu semalam.

Tambah kenyataan tersebut, antara isu yang dikenal

pasti adalah calon tidak dapat mengakses ke sistem pada waktu ditetapkan mengakibatkan mereka lewat serta tidak dapat memilih penempatan latihan siswazah lebih awal.

"Capaian ke sistem juga perlahan (*lagging*), mengakibatkan calon terpaksa menunggu lama untuk melengkapkan proses penempatan, selain terdapat isu calon yang berjaya memilih penempatan di suatu fasiliti melebihi had slot latihan siswazah ditetapkan.

"KKM difahamkan, ketika ini terdapat seramai 627 calon yang telah ditawarkan pelantikan dan perlu memilih penempatan latihan siswazah pada sesi kali ini," katanya.

Sehubungan itu, KKM membuat keputusan untuk menutup sementara capaian ke sistem berkenaan bagi menangani situasi itu secara berhemah dan berlaku adil kepada semua calon yang memohon.



SISTEM e-Pharmacist KKM ditutup sementara bagi membolehkan pasukan ICT menangani masalah teknikal yang berlaku.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 20

RUANGAN : NASIONAL

Trend menurun kemasukan pesakit Covid-19 ke fasiliti kesihatan

KUALA LUMPUR -

Jumlah kemasukan pesakit Covid-19 ke fasiliti kesihatan bagi setiap 100,000 penduduk menurun 8.6 peratus pada Minggu Epidemiologi ketiga 2023 (ME 3/2023) iaitu dari 15 hingga 21 Januari, berbanding minggu sebelumnya.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, jumlah kemasukan pesakit Covid-19 ke hospital awam bagi setiap 100,000 populasi pada ME 3/2023 berbanding ME 2/2023 mencatatkan penurunan 28.6 peratus bagi pesakit kategori satu hingga lima.

"Peratus pengisian katil fasiliti Covid-19 pada ME 3/2023 berbanding ME 2/2023 bagi katil bukan kritikal menurun sebanyak dua peratus dan katil Unit Rawatan Rapi (ICU) juga menurun sebanyak dua peratus," katanya menerusi kenyataan pada Isnin.

Beliau berkata, kes positif Covid-19 yang dipantau Pusat Penilaian Covid-19 (CAC) di seluruh negara juga menunjukkan penurunan.

Selain itu, dari 25 Januari 2020 (ME 4/2020) hingga 21 Januari 2023 (ME 3/2023), kumulatif kes baharu Covid-19 ialah sebanyak 5,034,521



NOOR HISHAM

kes, kumulatif kes sembuh (4,987,642 kes), kumulatif kes kematian (38,932 kes) dan kumulatif kluster sebanyak 7,169 kluster dengan lima kluster aktif.

Dr Noor Hisham memaklumkan, bilangan kes sembuh pada ME 3/2023 menurun 27.6 peratus iaitu 3,288 kes kepada 2,379 kes manakala bilangan kes baharu menurun 17.3 peratus iaitu 2,525 kes kepada 2,088 kes berbanding minggu sebelumnya.

Beliau berkata, bilangan kes tempatan menurun 17.1 peratus (2,497 kes kepada 2,071 kes) manakala bilangan kes import menurun 39.3 peratus (28 kes kepada 17 kes), manakala jumlah kes kematian menurun 29.4 peratus (34 kes kepada 24 kes).

Purata kes aktif setiap hari bagi ME 3/2023 pula menurun 7.9 peratus iaitu 10,901 kes kepada 10,042 kes, katanya.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, Kementerian Kesihatan menasihatkan orang ramai supaya berwaspada dan mengambil langkah berjaga-jaga sempena sambutan Tahun Baharu Cina meskipun keadaan Covid-19 di Malaysia masih terkawal dengan pelaporan kes kurang 500 kes sehari. - Bernama

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : MUKA HADAPAN

Tatacara KKM nilai pegawai farmasi kontrak dipersoal

Oleh **ARIF AIMAN ASROL**
arman.asrol@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Gerakan Hartal Farmasi Kontrak mempersoalkan tatacara Kementerian Kesihatan (KKM) menilai kemahiran pegawai farmasi kontrak untuk diserap ke jawatan tetap apabila dikendalikan dalam kalangan penemu duga yang tidak memahami bidang tersebut.

Ahli gerakan itu mendakwa, penemu duga yang dikendalikan tidak melibatkan pegawai perubatan atasan yang mengenali pegawai kontrak terbabit dan memahami bidang tugas itu, sebaliknya melibatkan agensi lain yang tidak mengetahui ruang lingkup bidang berkenaan.

Bersambung di muka 2

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : DALAM NEGERI

Tatacara KKM nilai pegawai farmasi kontrak dipersoal

Dari muka 1

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, jurucakap Gerakan Hartal Farmasi Kontrak yang enggan namanya disiarkan mendakwa, terdapat pegawai kontrak yang mencuba nasib menghubungi Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Mustafa melalui akaun media sosial.

Namun, dakwanya, maklum balas diterima mengecewakan buat seluruh ahli gerakan tersebut apabila pengurus akaun Ahli Parlimen Sekijang itu mengatakan pegawai yang akan diserap ke jawatan tetap adalah pegawai 'berbakat' sahaja.

"Mereka mahu memilih pegawai 'berbakat' sahaja untuk dikekalkan dalam KKM. Apa maksudnya? Sebab semasa temu duga kami tak nampak apa kriteria sebenar dimahukan."

"Sepatutnya apabila penilaian daripada ketua unit sudah terbaik akan diberi lantikan tetap. Macam saya sendiri memperoleh markah 95 peratus, sudah pegang pelbagai jawatan dan lakukan banyak sumbangan pun masih tidak menerima pelantikan tersebut.

"Ketua unit sendiri tulis saya layak mendapat jawatan tetap tetapi semasa temu duga orang yang memilih kami bukannya pegawai atasan sebaliknya pihak lain. Itu merupakan penilaian sehari sahaja, jadi macam mana mereka boleh nilai bakat," soalnya ketika di-



Mereka mahu memilih pegawai 'berbakat' sahaja untuk dikekalkan dalam KKM. Apa maksudnya dengan itu? Sebab semasa temu duga kami tak nampak apa kriteria sebenar dimahukan."

hubungi.

Terdahulu, akhbar ini melaporkan, pegawai farmasi kontrak di bawah seliaan KKM seluruh negara menubuhkan gerakan tersebut bagi menuntut perjawatan tetap bagi pegawai kumpulan 2016-2017 yang sudah berkhidmat antara lima ke enam tahun dengan kementerian.

Mengulas lanjut, jurucakap itu berkata, KKM perlu menjelaskan sama ada mereka masih mendapat peluang untuk diserap masuk ke lantikan tetap.

"Apabila mereka kata kami sudah tak diberikan peluang untuk temu duga, jadi apa hala tuju untuk kami selepas ini?

Adakah KKM tidak perlukan kami? Jika begitu tidak mengapa, kami boleh berhenti secara beramai-ramai.

"Melalui kenyataan terakhir bekas Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin ada memaklumkan pegawai-pegawai yang tidak diserap ke lantikan tetap tahun lepas akan diberikan peluang untuk memohon sekali lagi tahun ini tetapi sekarang ini KKM macam biar kami bergantung tak bertali," katanya.

Ketika ditanya adakah gerakan tersebut akan mengadakan protes atau mogok secara besar-besaran terhadap KKM, jurucakap tersebut memaklumkan, itu merupakan langkah terakhir yang bakal diambil sekiranya tiada penyelesaian diberikan.

"Setakat ini kami sedang kumpul maklumat mengenai jumlah pegawai kemasukan dari 2016 yang masih kontrak iaitu ada lebih 80. Untuk Hartal, kami akan usahakan dahulu perbincangan dengan KKM.

"Mengenai (protes) itu kami akan fikirkan jika respons diterima daripada KKM tidak memberangsangkan tetapi itu jika memang sudah berada pada tahap terakhir," jelasnya.

Sementara itu, cubaan *Utusan Malaysia* untuk mendapatkan reaksi daripada Dr. Zaliha mengenai perkara ini gagal apabila beberapa panggilan dibuat tidak dijawab.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NATION / NEWS



Outpatients waiting at Hospital Kuala Lumpur yesterday. Malaysia's cumulative Covid-19 infections from Jan 25, 2020, to Jan 21, 2023, stood at 5,034,521. PIC BY MOHAMAD SHAHRIL BADRI SAALI

5 ACTIVE CLUSTERS

Covid-19 admissions dropped 8.6pc last week

KUALA LUMPUR: Admissions of Covid-19 patients to health facilities per 100,000 population dropped 8.6 per cent in the third epidemiological week 2023 (ME 3/2023) from Jan 15 to 21 compared with the previous week, said Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

He said admissions of category one to five patients to public hospitals per 100,000 population last week also declined by 28.6 per cent from ME 2/2023.

"The utilisation rates of non-critical and Intensive Care Unit beds decreased by two per cent in ME 3/2023 compared with the previous week," he said in a statement yesterday.

Dr Noor Hisham said there was

also a decline in the number of positive cases monitored by Covid-19 Assessment Centres nationwide.

Malaysia's cumulative Covid-19 infections from Jan 25, 2020, to Jan 21, 2023, stood at 5,034,521, while cumulative recoveries were at 4,987,642 cases.

The cumulative figure for Covid-19 fatalities was 36,932 cases, and the total clusters were 7,169 with five active clusters.

Dr Noor Hisham said the total number of recovered cases in ME 3/2023 dropped by 27.6 per cent (3,288 cases to 2,379 cases), while the number of new infections decreased by 17.3 per cent (2,525 cases to 2,088 cases) from the previous week.

The number of local cases dropped by 17.1 per cent (2,497 cases to 2,071 cases), while imported cases were down by 39.3 per cent from 28 cases to 17 cases.

As for Covid-19-related fatalities, Dr Noor Hisham said the figure decreased 29.4 per cent (34 cases to 24 cases) and the average daily active cases for ME 3/2023 recorded a 7.9 per cent drop from 10,901 cases to 10,042 cases compared with the previous week.

He said the surveillance at sentinel locations nationwide up till ME 3/2023 found 17 Influenza-Like Illness samples to be positive, while Severe Acute Respiratory Infection samples testing positive for Covid-19 was at 5.9 per cent. **Bernama**